JUPEM

# JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

---

## SURAT PEKELILING
## KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
## BILANGAN 4 TAHUN 2016

---

## PEMERHATIAN AUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA BAGI PENGURUSAN PROJEK eKADASTER, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

**Dikeliling Kepada:**

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**Salinan Kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri**

**SURAT PEKELILING**

**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN**

**BILANGAN 4 TAHUN 2016**

**PEMERHATIAN AUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA BAGI PENGURUSAN PROJEK eKADASTER, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap pelaksanaan dan tadbir urus Projek Pembangunan eKadaster di bawah Tender JUPEM T8/2006. Pengauditan telah dijalankan sepanjang bulan Mei hingga September 2016 dan antara perkara-perkara yang diaudit meliputi prosedur perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan pengurusan aset, penyenggaraan sistem, penyelenggaraan rekod/dokumen dan pemantauan.

2. Hasil dari pemerhatian audit, beberapa perkara telah ditemui antaranya adalah seperti berikut:-

(a) Ketidakseragaman Penggunaan Kod Hasil Upah Ukur Antara JUPEM Negeri.

(b) Tanggungjawab Pendaftaran Pengguna Dalam Sistem eKadaster

(c) Pengemaskinian Prosedur Permohonan Pendaftaran Dan Pembatalan Pengguna

(d) Pengurusan Kata Laluan

(e) Ketidakseragaman Nombor Siri Pendaftaran Aset Antara SPA dan SPAK

(f) Kalibrasi Peralatan GNSS Tidak Dikemaskini Dalam SPAK

(g) Pengemaskinian Nombor Siri Peralatan Dalam SPAK

(h) Ketidakpatuhan Mengakses Modul eSupport

(i) Penyelarasan Laporan eFee

3. Sehubungan dengan itu, tindakan penyelarasan dan pengemaskinian maklumat dalam modul-modul Sistem eKadaster perlu dilakukan oleh semua JUPEM Negeri. Oleh itu, YBhg. Dato'/Tuan hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

**(a) Ketidakseragaman Penggunaan Kod Hasil Upah Ukur Antara JUPEM Negeri.**

JUPEM Negeri hendaklah membuat semakan semula terhadap kod hasil yang digunakan selama ini dengan kod hasil sebenar sebagaimana mengikut **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP - PS 1.1 Penjenisan Kod Hasil dan Perbelanjaan, di bawah Objek Sebagai 72000 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan**. Kod hasil bagi bayaran pengukuran tanah dan lombong (upah ukur, batu sempadan dan hak milik) adalah **72102** manakala kod hasil bayaran ukur bagi kerja-kerja untuk agensi kerajaan adalah **82103**.

**(b) Tanggungjawab Pendaftaran Pengguna Dalam Sistem eKadaster**

JUPEM Negeri hendaklah memastikan tanggungjawab bagi pendaftaran pengguna dalam Sistem Pengurusan Personal Kadaster (SPPK) dibuat oleh Unit Pentadbiran manakala pendaftaran maklumat dalam Sistem Pengurusan Aset Kadaster (SPAK) dibuat oleh Juruukur Daerah masing-masing. Arahan ini adalah bagi mematuhi para 3.1.1.1 Pekeliling KPUP Bil. 6/2009 yang menghendaki pendaftaran kemasukan staf baru dan mengemaskini carta organisasi JUPEM Negeri dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran.

**(c) Pengemaskinian Prosedur Permohonan Pendaftaran dan Pembatalan Pengguna**

JUPEM Negeri hendaklah melaksanakan prosedur permohonan pendaftaran dan pembatalan pengguna Sistem eKadaster mengikut Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE), di mana prosedur ini menetapkan permohonan, pendaftaran dan pembatalan akaun pengguna sistem serta tahap capaian hendaklah

mendapat kebenaran secara bertulis dari pegawai bertanggungjawab di peringkat Ibu Pejabat JUPEM/Negeri dan direkodkan. Format borang bagi mendaftar pengguna-pengguna yang baru adalah seperti di **Lampiran 'A'** manakala bagi pengguna-pengguna yang telah bertukar atau berhenti daripada perkhidmatan hendaklah menggunakan borang pembatalan akaun seperti di **Lampiran 'B'**. Pegawai Teknologi Maklumat/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PTM/PPTM) JUPEM Negeri adalah bertanggungjawab untuk memberi (ID) pengguna iaitu *username* dan *password* mengikut peranan pengguna tersebut sebagaimana didaftarkan.

Di samping itu, Unit Pentadbiran dengan bantuan PTM/PPTM JUPEM Negeri hendaklah membuat pengemaskinian dalam modul SPPK dengan **menukar status** pengguna-pengguna sistem eKadaster kepada ***'in-active'*** bagi pengguna-pengguna yang telah bersara atau telah bertukar perkhidmatan dan hanya mendaftarkan ID pengguna berdasarkan pengguna semasa.

**(d) Pengurusan Kata Laluan**

JUPEM Negeri hendaklah mematuhi perkara di para 7.3(f) dan 7.3(g) dalam DKICT iaitu pengurusan kata laluan hendaklah menekankan pilihan kata laluan yang berkualiti dengan gabungan minimum lapan (8) aksara kombinasi antara huruf, nombor dan simbol. Selain itu, kata laluan hendaklah ditukar dalam tempoh tertentu untuk ke semua sistem utama iaitu sekurang- kurangnya setiap 2 bulan bagi pentadbir sistem dan setiap 3 bulan bagi pengguna.

**(e) Ketidakseragaman Nombor Siri Pendaftaran Aset Antara SPA dan SPAK**

JUPEM Negeri hendaklah membuat pengemaskinian maklumat nombor siri pendaftaran aset di modul SPAK mengikut nombor siri pendaftaran yang telah didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) dalam Ruangan Nombor Sekunder bagi aset yang sama tanpa menghapuskan nombor siri

pendaftaran di SPAK. Ini bertujuan supaya dapat menghubungkaitkan maklumat di SPAK dan SPA.

**(f) Kalibrasi Peralatan GNSS Tidak Dikemaskini Dalam SPAK**

JUPEM Negeri hendaklah memuat naik fail kalibrasi peralatan ukur Total Station dan GNSS ke dalam sistem yang telah dibangunkan iaitu SPAK untuk tujuan validasi data dan seterusnya untuk kelulusan sebagaimana yang telah ditetapkan di para 4.19.1(ii) Pekeliling KPUP Bil.6/2009.

**(g) Pengemaskinian Nombor Siri Peralatan Dalam SPAK**

JUPEM Negeri hendaklah membuat semakan semula pendaftaran nombor siri peralatan dalam SPAK dan membatalkan mana-mana aset yang didapati telah didaftarkan mengikut nombor siri yang tidak munasabah atau berlainan dengan peralatan yang dibeli oleh JUPEM (contohnya seperti **JATEST01** atau **TOP1TEST1**). Pengemaskinian ini perlu dilakukan kerana maklumat salah tersebut kemungkinan telah dikunci masuk *(key-in)* semasa pengujian modul kalibrasi alat di SPAK.

Selain daripada itu, JUPEM Negeri juga diminta untuk menyelaraskan kunci masuk *(key-in)* Nombor Siri Pembuat mengikut aksara sebenar yang dicetak pada peralatan berkenaan. Sebagai contoh, jika dikunci masuk Nombor Siri Pembuat bagi *Total Station* sebagai **3Y 1772** (ada ruang antara Y dan 1), hasil janaan sistem dalam SPAK adalah **NRE/JUPEM/KADASTER/D/H/2008/0166** dan jika nombor siri tersebut dikunci masuk sebagai **3Y1772** (tiada ruang antara Y dan 1), hasilnya adalah **NRE/JUPEM/KADASTER/D/H/2007/0602**. Ini menunjukkan bahawa kesilapan kunci masuk akan menghasilkan nombor siri pendaftaran yang berlainan walaupun bagi aset yang sama.

**(h) Ketidakpatuhan mengakses Modul eSupport**

JUPEM Negeri hendaklah memastikan sebarang aduan berkaitan dengan eKadaster melalui eSupport hendaklah dikunci masuk sendiri oleh pengadu yang telah ditetapkan iaitu terdiri daripada **Ketua Cawangan, Ketua**

**Seksyen, Juruukur Daerah, Timbalan Pengarah Ukur dan Pengarah** untuk disahkan oleh PTM/PPTM.

**(i) Penyelarasan Laporan eFee**

JUPEM Negeri hendaklah membuat penyelarasan bersama Bendahari Negeri setiap bulan untuk memastikan kutipan hasil didepositkan sebagai hasil persekutuan dan laporan dikemukakan kepada Ibu Pejabat, JUPEM.

4. Arahan melalui surat pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa **SERTA MERTA.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' SR HASAN BIN JAMIL, *DIMP, JMW, AMN*)**
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Lampiran 'A'

JUPEM

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**
**__________ (NEGERI) ______________**

**PERMOHONAN CAPAIAN APLIKASI JABATAN**

| Butiran Pemohon | |
|---|---|
| Kepada : PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI | |
| Tujuan Permohonan : | |
| Nama : | Jawatan : |
| No. K/P : | No. Tel : |
| E-mail : @jupem.gov.my | Tarikh : |
| Seksyen / Cawangan / Unit : | |
| Peranan : PUPN / TPU I/ TPU II/TPU/KPPU/PPU /JUD/PTM/PPTM/Pen. JUD/ Pen. Juruukur/K. Cawangan/ Doers/DCSKT | |

Capaian Modul :

1. **CSRS** ☐
2. **JUPEM2U** ☐
3. **SPPK**

| | | | |
|---|---|---|---|
| *Guest* | ☐ | *Entry/User* | ☐ |
| Pengukur | ☐ | Juruukur Daerah | ☐ |
| KPPU/PPU | ☐ | Penyokong | ☐ |
| Pentadbiran | ☐ | SA | ☐ |

4. **SPAK**
   - *User* ☐
   - *Admin Negeri* ☐
   - JUBL/Pengukur ☐
   - JUBL/Pengukur CRM ☐
   - *Superuser* ☐
5. **eMonitoring** ☐
6. **eSupport**
   - None ☐
   - Pengguna Negeri ☐

**Untuk Diisi Oleh PTM/PPTM;**

**Username :**

**Password :**

**Saya bersetuju untuk menggunakan kemudahan tersebut bagi tugas rasmi jabatan sahaja dan saya akan mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Saya juga bersetuju untuk menjaga dan melindungi semua maklumat jabatan. ID Pengguna ini adalah untuk kegunaan saya seorang sahaja serta tertakluk kepada peraturan seperti yang dikeluarkan di dalam Pekeliling KPUP Bil. 7 Tahun 1998 (Polisi Keselamatan Sistem Rangkaian Setempat JUPEM)**

Tandatangan Pemohon : ……………………………………………………………

| Tandatangan<br>Ketua Bahagian / Seksyen<br><br><br>………………………………………………………………………………<br>Nama : | Permohonan adalah<br>***disokong / tidak disokong**<br><br>*Sila potong mana yang tidak berkenaan |
|---|---|

**Untuk Kegunaan Seksyen Teknologi Maklumat (STM)**

Pengesahan oleh Pegawai yang menjalankan konfigurasi dan ujian pada komputer user.

………………………………………………………………
Nama :
Tarikh :

| | |
|---|---|
| Jenama/Model | : |
| Operating System | : |
| IP address | : |

Lampiran 'B'

JUPEM

# JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
## ________ (NEGERI) ____________

## PEMBATALAN CAPAIAN APLIKASI JABATAN

| Butiran Pegawai | |
|---|---|
| Nama : | Jawatan : |
| No. K/P : | No. Tel : |
| E-mail : @jupem.gov.my | Tarikh : |
| Seksyen / Cawangan / Unit : | |
| Peranan : PUPN / TPU I/ TPU II/TPU/KPPU/PPU /JUD/PTM/PPTM/Pen. JUD/ Pen. Juruukur/ K. Cawangan/ Doers/DCSKT | |
| Sebab Pembatalan : | |

Capaian Modul :

1. **CSRS** ☐
2. **JUPEM2U** ☐
3. **SPPK**
   - *Guest* ☐ — *Entry/User* ☐
   - Pengukur ☐ — Juruukur Daerah ☐
   - KPPU/PPU ☐ — Penyokong ☐
   - Pentadbiran ☐ — SA ☐
4. **SPAK**
   - User ☐
   - *Admin Negeri* ☐
   - JUBL/Pengukur ☐
   - JUBL/Pengukur CRM ☐
   - *Superuser* ☐
5. **eMonitoring** ☐
6. **eSupport**
   - *None* ☐
   - Pengguna Negeri ☐

**Tindakan PTM/PPTM;**

Username :

Password :

……*Contoh : Telah Dikemaskini Sebagai 'Tidak Aktif' Dalam SPPK …*

Disahkan Oleh:

Tandatangan

Ketua Bahagian / Seksyen

.......................................................................................

Nama :

**Untuk Kegunaan Seksyen Teknologi Maklumat (STM)**

Pengesahan oleh Pegawai yang menjalankan konfigurasi dan ujian pada komputer user.

| |
|---|
| Jenama/Model : |
| *Operating System* : |
| IP Address : |
| Keadaan Komputer : |

………………………………………………………………………

Nama :

Tarikh :